

25 APR 2001

MYANMAR-MELABUR

MASA TERBAIK UNTUK SYARIKAT MALAYSIA MELABUR DI MYANMAR

Oleh: Roslan Ariffin

YANGON, 25 April (Bernama) -- Usahawan dan syarikat Malaysia disaran mengambil peluang daripada hubungan antara Malaysia dan Myanmar yang pada masa ini berada pada tahap terbaik, bagi membuka perniagaan dan memperluaskan operasi perniagaan di negara itu.

Duta Malaysia ke Myanmar, Datuk Mohammad bin Noh berkata terdapat banyak sektor ekonomi yang boleh diterokai oleh syarikat Malaysia seperti perladangan, perlombongan, pembuatan dan pembinaan yang bakal mendatangkan keuntungan bagi tempoh jangka panjang.

"Daripada segi hubungan dua hala Myanmar dan Malaysia, ia adalah di peringkat paling baik pada masa ini. Ini adalah hasil daripada lawatan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) pada bulan Januari tahun ini," kata beliau semasa menerima kunjungan kumpulan media Malaysia di kedutaan Malaysia di sini.

Kunjungan itu dibuat pada akhir siri lawatan rasmi selama seminggu kumpulan tujuh buah media utama Malaysia ke Myanmar, yang tamat semalam. Ia bertujuan mendapatkan maklumat terkini berhubung situasi negara itu.

Pada masa ini, Malaysia dan Singapura adalah antara negara yang menjalin dagangan terbesar di kalangan negara rantau Asean. Selain Malaysia, Singapura dan Myanmar, negara anggota Asean terdiri daripada Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Filipina, Thailand dan Vietnam.

Mohammad berkata semasa lawatan Dr Mahathir ke sini, beberapa perkara telah dibincangkan di peringkat tertinggi antaranya menyentuh bagaimana Malaysia dapat membantu Myanmar, yang menjadi anggota ASEAN pada 1997, untuk membangun dan mengembangkan ekonominya.

"Kita perlu merebut peluang hasil daripada hubungan baik kedua-dua negara. Bila hubungan baik wujud antara kedua-dua pemerintah negara, banyak perkara boleh dilakukan dengan senang," katanya.

Myanmar, yang bersempadan dengan Bangladesh, India, China, Laos dan Thailand, ialah negara sedang membangun yang melalui evolusi ke arah demokrasi daripada sosialisme satu parti.

Beliau berkata di kalangan negara anggota Asean, Malaysia mempunyai peluang yang luas untuk memasuki pasaran Myanmar.

"Daripada pemerhatian kami iaitu bukan sahaja kedutaan Malaysia tetapi negara lain, mereka mengatakan Malaysia pada masa ini mempunyai hubungan yang paling intim sekali dengan Myanmar kerana selama ini kita paling banyak sekali menolong Myanmar dan mereka menghargainya," katanya.

Mohammad berkata ada beberapa bidang yang Malaysia boleh berperanan penting dalam membangunkan ekonomi Myanmar seperti perladangan yang masih belum diterokai.

"Malaysia berminat untuk membuka ladang seperti ladang jagung, ladang kelapa sawit di Selatan Myanmar dan banyak lagi bidang seperti perlombongan ataupun pembuatan," katanya.

Katanya, bidang pembinaan juga menjadi keutamaan kerana Myanmar masih ketinggalan daripada sudut infrastruktur.

Beliau berkata syarikat Malaysia yang terbabit dalam sektor yang memerlukan bilangan pekerja yang tinggi perlu menggunakan peluang yang ada untuk membuka operasi di negara itu kerana upah pekerja di Myanmar masih rendah.

"Di Malaysia, kita mengalami kekurangan pekerja dan Myanmar adalah satu negara di mana kita boleh mengeksport syarikat-syarikat kita untuk datang ke sini," katanya.

"Kami telah membuat lawatan ke beberapa kilang seperti kilang tekstil dan kami dapati tenaga buruh di sini mudah sekali."

Ditanya mengenai persediaan usahawan dan syarikat untuk beroperasi di Myanmar, Mohammad berkata negara itu mempunyai polisi pelaburan dan sistem perundangan yang sama dengan Malaysia.

Beliau berkata perkembangan positif kini menunjukkan Myanmar sedang membuka pintu bagi menjadi destinasi pelaburan paling menarik di rantau ini.

"Banyak negara yang berminat untuk melabur di sini kerana mereka tahu terdapat banyak potensi dan peluang," katanya.

Mohammad berharap usahawan Malaysia tidak terpengaruh dengan liputan negatif media asing terhadap Myanmar.

"Perdana Menteri pernah mengatakan bahawa Myanmar ialah sebuah negara yang disalah fahami (misunderstood) di luar Myanmar. Di Malaysia pun kita kurang memahami mengenai Myanmar," kata Mohammad.

"Anda perlu datang ke Myanmar untuk melihat sendiri apa yang mereka (pemerintah Myanmar) telah laksanakan. Jika Myanmar makmur, ia juga akan membantu Malaysia. Banyak pelancong akan ke Malaysia dan dagangan juga akan bertambah," katanya. -- BERNAMA

RAR MKO AA